POLITEKNIK MALAYSIA
MUKAH

PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI II : 2026/2027

ARAHAN KEPADA CALON :

BACA DENGAN TELITI MAKLUMAT YANG TERKANDUNG DI DALAM PANDUAN INI DAN SILA AMBIL TINDAKAN YANG BERKAITAN.

SILA CETAK DAN LENGKAPKAN SEMUA DOKUMEN YANG TERDAPAT DALAM BAHAGIAN LAMPIRAN DI AKHIR BUKU PANDUAN INI.

DISEDIAKAN OLEH :
JABATAN HAL EHWAL DAN PEMBANGUNAN PELAJAR (JHEPP)
POLITEKNIK MUKAH
KM 7.5 JALAN OYA
96400 MUKAH, SARAWAK
pmu.mypolycc.edu.my

PRAKATA

Sebagai persediaan proses Pendaftaran Pelajar Baharu **Sesi II :2026/2027**, semua calon pelajar adalah dinasihatkan untuk membaca dengan teliti PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU MUKAH, SARAWAK (PMU) **Sesi II :2026/2027**. Ini bagi memastikan pelajar dan ibu bapa dapat membuat persediaan awal sebelum pendaftaran serta memastikan proses pendaftaran pelajar dapat berjalan dengan lancar dan teratur.

Panduan ini adalah untuk kegunaan dan rujukan pelajar yang akan mendaftar di Politeknik Mukah, Sarawak bagi **Sesi II :2026/2027** sahaja.

Maklumat yang dinyatakan di dalam panduan ini adalah tepat sehingga pada tarikh buku ini dikeluarkan. Sebarang perubahan akan dimaklumkan melalui laman web rasmi Politeknik Mukah dan laman media sosial Facebook rasmi PMU iaitu di :

https://pmu.mypolycc.edu.my/index.php
https://www.facebook.com/politeknikmukah

Panduan ini disusun semula dengan merujuk kepada Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti mengikut kesesuaian Politeknik Mukah, Sarawak.



ISI KANDUNGAN

Senarai Semak..... 4

Peringatan..... 6

Selamat Datang Ke Politeknik Mukah..... 7

Maklumat Am Kampus..... 8

Pengangkutan Ke Bandar Mukah..... 9

Bantuan Kewangan & Institusi Kewangan..... 10

Prosedur Pendaftaran Pelajar Baharu..... 12

Pendaftaran Kolej Kediaman Pelajar Baharu 13

Semakan Dokumen Pendaftaran Pelajar Baharu..... 14

Etika Pakaian Semasa Sesi Semakan Dokumen..... 15

Surat Tawaran Pengajian..... 16

Persediaan Minggu Transformasi Siswa (MTS)..... 17

Yuran Pengajian, Asrama, Bayaran Pelbagai & Bayaran Keahlian Majlis Sukan Politeknik (MSP) 19

Kaedah Pembayaran Yuran Pengajian dan Asrama..... 21 *(iPayment)*

Pendaftaran Online Pelajar Baharu..... 36

Pemeriksaan Kesihatan Pelajar..... 37

Keperluan Khas di Bengkel atau Makmal..... 38

Peraturan Am Kolej Kediaman..... 39

Maklumat Am Peraturan & Disiplin Pelajar..... 42


Urusan Permohonan Pas Pelajar..... 46

ASNB (CELIK MADANI)..... 49

Lampiran (Borang Kolej Kediaman, BHEP, Borang MSP)..... 65

Bantuan Kewangan Pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti (BKPKK) 61

LAMPIRAN..... 125



SENARAI SEMAK

DOKUMEN PENTING YANG PERLU DISEDIAKAN DAN DIBAWA SEMASA HARI PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

DOKUMEN ASAL (BAWA PADA HARI PENDAFTARAN) :

1. Kad Pengenalan ☐
2. Surat Tawaran Kemasukan ☐
3. Sijil/ Slip Keputusan Peperiksaan SPM/SPMV/ Sijil akademik yang lain ☐
4. Sijil Berhenti Sekolah ☐
5. Sijil lahir calon ☐

DOKUMEN SALINAN (BAWA PADA HARI PENDAFTARAN) :

* Semua salinan dokumen wajib "disahkan benar dari salinan asal"/ *'Certified true copy'*.Pengesahan hendaklah dibuat oleh Pegawai Profesional (Gred 9 ke atas)/ Kategori A/ Penghulu/ Penggawa dan yang setaraf dengannya.

1. Salinan Kad Pengenalan Calon ☐
2. Salinan Sijil Lahir Calon ☐
3. Salinan Sijil/ Slip Keputusan SPM/ SPMV/ Sijil Akademik yang lain ☐
4. Surat atau borang pengesahan status pekerjaan/ pendapatan (bagi yang tidak tidak mempunyai slip)/ penyata gaji/ Tidak bekerja/ Suri rumah ☐
5. Salinan Sijil Kematian (jika berkaitan) ☐
6. Salinan Surat Perceraian Ibu Bapa (jika berkaitan) ☐
7. Salinan kelulusan /. Slip Bantuan Kewangan Kerajaan Persekutuan/ Negeri (jika berkaitan) ☐
8. Salinan Sijil Anak Angkat (jika berkaitan) ☐
9. Salinan sijil/ pengiktirafan sukan tertinggi dan terkini (laluan atlet) ☐
10. Dokumen-dokumen lain (Kad OKU, Kad Pencen Ibu Bapa, Penyata Pencen Ibu Bapa) ☐

DOKUMEN BAYARAN (BAWA PADA HARI PENDAFTARAN) :

1. Resit bayaran ***iPayment*** – YURAN PENGAJIAN + YURAN ASRAMA **(RM260.00)** – 2 salinan ☐
2. Resit bayaran SAKP *online* – BAYARAN PELBAGAI **(RM50.00)** – 2 salinan ☐
3. Resit bayaran *online* – YURAN MAJLIS SUKAN POLITEKNIK (MSP) **(RM25.00)** – 2 salinan ☐

BORANG PENDAFTARAN (BAWA PADA HARI PENDAFTARAN)

1. Borang-borang Penda tara **(BHEP1 – BHEP6)** yang telah lengkap diisi dan semua diketipkan *(staple)* sekali mengikut tertib/ aturan dan cetakan yang dibenarkan adalah **SATU (1)** muka surat sahaja untuk setiap helaian. (***Print One Sided***). **(Rujuk Lampiran)** ☐
2. BKK-01 - Borang Butiran Peribadi Penghuni ☐
3. BKK-02 - Borang Jaminan Tatatertib ☐
4. Borang MSP SESI II : 2026/2027 **(Rujuk Lampiran 2)** ☐

GAMBAR (BAWA PADA HARI PENDAFTARAN)

1. Gambar warna yang terkini berukuran pasport **4 keping.** ☐
   2 keping untuk BHEP
   2 keping untuk BKK

PERINGATAN

Maklumat anda **akan disemak secara terperinci** oleh pegawai pegawai Hal Ehwal Pelajar PMU. Tindakan akan diambil sekiranya anda :

i. Memberi **maklumat salah atau palsu** semasa permohonan berkaitan dengan:

- Kewarganegaraan
- Keputusan Peperiksaan SPM atau Keputusan Peperiksaan Semester Akhir

ii. Anda seorang **penagih, pengedar atau terlibat** dengan sebarang **penyalahgunaan dadah.**

Jika anda terlibat dengan perkara (i) dan (ii), **tindakan menarik balik** atau **pembatalan tawaran** kemasukan ke Politeknik akan dilakukan.

SELAMAT DATANG PELAJAR BAHARU KE POLITEKNIK MUKAH

Tahniah dan syabas atas kejayaan dipilih untuk melanjutkan pengajian di Politeknik Mukah, Sarawak. Sebagai persediaan proses Pendaftaran Pelajar Baharu, semua calon pelajar adalah dinasihatkan untuk membaca dengan teliti **PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU** ini bagi memastikan proses pendaftaran anda berjalan dengan lancar dan teratur.

Calon pelajar turut dikehendaki untuk mencetak semua borang-borang pendaftaran yang dilampirkan bersama Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu ini. Segala borang yang dicetak **diwajibkan** untuk diisi dengan lengkap dan dibawa semasa hadir secara fizikal ke Politeknik Mukah.

Klik pautan di bawah atau imbas kod QR untuk mendaftar masuk ke dalam kumpulan WhatsApp **Info Kemasukan Baharu Sesi II : 2026/2027**. Sekiranya calon pelajar mempunyai sebarang pertanyaan atau ingin mendapatkan maklumat lanjut, sila hubungi Jabatan Hal Ehwal & Pembangunan Pelajar (JHEPP) di talian 084- 874001 sambungan ke JHEPP.




MAKLUMAT AM KAMPUS

Politeknik Mukah (PMU) merupakan salah satu institusi pendidikan pengajian tinggi di bawah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti yang berasaskan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), terletak di Bahagian Mukah yang merupakan wilayah tengah Sarawak. PMU adalah politeknik ketiga di Borneo selepas Politeknik Kuching Sarawak dan Politeknik Kota Kinabalu. Kampus PMU dibina di atas tapak seluas 100 ekar dan dilengkapi dengan infrastruktur moden serta kemudahan pendidikan yang terkini.

Operasi pertama Politeknik Mukah bermula di Sekolah Menengah Teknik Sibu pada tahun 2004 sebelum berpindah ke Kampus sebenar Politeknik Mukah yang terletak di Bandar Mukah, Sarawak. Pengambilan pelajar pertama adalah pada sesi Julai 2005 dengan kursus perintis seperti Sijil Teknologi Maklumat, Sijil Kejuruteraan Awam dan Sijil Pengajian Perniagaan. Penawaran kursus bertambah setahun kemudian di mana kursus peringkat Diploma turut ditawarkan oleh kesemua lima jabatan akademik utama. Lima jabatan akademik utama tersebut adalah :

- **Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK)**
- **Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA)**
- **Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE)**
- **Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM)**
- **Jabatan Perdagangan (JP)**

LOKASI KAMPUS POLITEKNIK MUKAH



PENGANGKUTAN KE BANDAR MUKAH

LALUAN UDARA

Penerbangan terus ke Lapangan Terbang Mukah menggunakan perkhidmatan penerbangan MASWINGS dari Lapangan Terbang berikut:

a) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching
b) Lapangan Terbang Sibu
c) Lapangan Terbang Bintulu
d) Lapangan Terbang Miri

PERJALANAN DARAT

Selain menggunakan kenderaan persendirian, perkhidmatan bas awam (bas ekspress) ke Mukah juga disediakan dari bandar-bandar utama di Sarawak seperti:

Kuching	Mukah	560 km
Sibu		160 km
Bintulu		147 km
Miri		352 km

PENGANGKUTAN DARI BANDAR MUKAH KE KAMPUS

Untuk ke kampus Politeknik Mukah, pelajar boleh menggunakan perkhidmatan seperti berikut:

a) *e-hailing*.
   Tempahan *e-hailing* boleh dibuat melalui aplikasi Maxim.

BANTUAN KEWANGAN & INSTITUSI KEWANGAN

Politeknik Mukah tidak menyediakan pembiayaan atau elaun khas untuk pelajar, sebaliknya pelajar perlu memohon sendiri mana-mana bantuan kewangan (biasiswa/pinjaman) bagi menampung perbelanjaan sepanjang tempoh pengajian. Antara senarai pembiaya pinjaman atau biasiswa yang layak dipohon oleh pelajar adalah seperti berikut:

Bil	Nama Pembiaya Pinjaman / Biasiswa	Laman Web
1	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	http://www.ptptn.gov.my/
2	Yayasan Bank Rakyat	https://www.yayasanbankrakyat.com.my/
3	Yayasan Negeri (Mengikut Negeri Kelahiran)	Yayasan Sarawak http://yayasansarawak.org.my/ Yayasan Pahang http://www.yp.org.my/ Yayasan Selangor http://www.yayasanselangor.org.my/
4	Biasiswa Pinjaman Kerajaan Negeri Sarawak	https://escholarship.sarawak.gov.my/psc_p ublic/ maintenance/main.jsp
5	Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah	https://biasiswa.sabah.gov.my/semakan/de fault.asp
6	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	http://www.jpa.gov.my/
7	Biasiswa Sukan KPM	https://biasiswa.moe.gov.my/sukan/
8	Bantuan Kewangan Pelajar OKU	https://biasiswa.mohe.gov.my/bk_oku/

9	Yayasan Telekom Malaysia	https://www.tm.com.my/YayasanTM
10	KUOK Foundation	http://www.kuokfoundation.com/
11	Tabung Baitulmal Sarawak	http://www.tbs.org.my
12	Tabung Amanah Bakun	https://www.tabungamanahbakun.org.my/
13	Yayasan Sime Darby	http://www.yayasansimedarby.com/
14	Dermasiswa B40 TVET	https://www.mohe.gov.my/perkhidmatan

PEGAWAI BIASISWA POLITEKNIK MUKAH

Sebarang persoalan berkenaan dengan Pinjaman dan Biasiswa boleh berhubung dengan **Pegawai Biasiswa Politeknik Mukah, Cik Magdelina Ann anak Elves (Tel: 084-874001 Samb. 8056).**

INSTITUSI KEWANGAN DAN PERBANKAN DI MUKAH

Berikut merupakan institusi kewangan/bank yang terdapat di bandar Mukah

Institusi Kewangan/Bank	Perkhidmatan Kaunter/ATM/CDM
a) Maybank	Kaunter/ATM/CDM
b) Public Bank	Kaunter/ATM/CDM
c) Bank Rakyat	Kaunter/ATM/CDM
d) Bank Simpanan Nasional	Kaunter/ATM
e) Agro Bank	Kaunter/ATM
f) Hong Leong Bank	Kaunter/ATM
g) RHB Bank	Kaunter/ATM/CDM



Kemudahan mesin ATM Bank Rakyat terdapat di pintu masuk kampus Politeknik Mukah.

PROSEDUR PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

Semua calon pelajar baharu adalah dikehendaki untuk mengambil tindakan seperti berikut bagi mengesahkan penerimaan tawaran:

1. Semak Keputusan Tawaran

2. Buat pengesahan Setuju Terima Tawaran Tawaran akan **terbatal** selepas tarikh tamat.

3. Cetak **Surat Tawaran** dan **Borang Jawapan Tawaran (BJT)**

4. Hantar Borang Jawapan Tawaran (BJT) beserta salinan dokumen sokongan yang telah DISAHKAN secara pos laju atau hantar terus ke alamat :

   Jabatan Hal Ehwal & Pembangunan Pelajar
   Politeknik Mukah,
   Km 7.5 Jalan Oya,
   96400 Mukah, Sarawak

5. Muat Turun Panduan Pendaftaran mulai **9 November 2026** di : http://spmp.pmu.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp

6. Membuat bayaran yuran dan lengkapkan semua borang yang ada dalam Panduan Pendaftaran. Hantar semasa pendaftaran pelajar baharu di PMU

7. Membuat Pendaftaran secara atas talian di http://spmp.pmu.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp (boleh diakses **3 hari bekerja** selepas pembayaran yuran dibuat)

8. Cetak **Slip Pendaftaran Online**

9. Hadir Pendaftaran Pelajar Baharu di PMU **(rujuk surat tawaran)**

PENDAFTARAN KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR BAHARU

KETETAPAN MASA & LOKASI PENDAFTARAN KOLEJ KEDIAMAN

Calon pelajar adalah **DIWAJIBKAN** untuk hadir ke Sesi Pendaftaran Pelajar Baharu pada tarikh yang telah ditetapkan. Sekiranya calon pelajar **TIDAK HADIR** pada tarikh yang ditetapkan, calon pelajar akan dianggap sebagai menolak tawaran pengajian.

Tarikh rasmi Pendaftaran Pelajar Baharu bagi **Sesi II :2026/2027** adalah pada:

Tarikh **: 22 November 2026 (Ahad)**
Masa **: 8.00 pagi – 5.00 petang**
Tempat **: Dewan Serbaguna (DSG), Politeknik Mukah**

ETIKA PAKAIAN SEMASA PENDAFTARAN KOLEJ KEDIAMAN

Calon pelajar adalah **DIWAJIBKAN MEMENUHI ETIKA BERPAKAIAN** semasa hari Pendaftaran Pelajar Baharu:

CALON PELAJAR LELAKI	**CALON PELAJAR PEREMPUAN**
Baju Semi Formal/ T-shirt Berkolar	Baju Semi Formal / T-shirt Berkolar
Seluar Slack / gelap **seluar jeans tidak dibenarkan	**seluar jeans tidak dibenarkan
-	Bertudung **(bagi calon pelajar Islam)**
Rambut pendek, kemas, tidak diwarnakan dan tidak berfesyen keterlaluan	Rambut kemas dan tidak diwarnakan **(bagi calon pelajar bukan beragama Islam)**
Kasut Sukan	Kasut Sukan

SEMAKAN DOKUMEN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

Semakan dokumen pendaftaran pelajar baharu adalah seperti ketetapan berikut:

Tarikh **: 23 November 2026 (Isnin)**
Masa **: 8.00 pagi – 4.30 petang**
Tempat **: Dewan Serbaguna (DSG), Politeknik Mukah**

Pada hari pendaftaran, calon pelajar dikehendaki untuk menyediakan dokumen seperti berikut:

- Slip Pengesahan Pendaftaran Online
- Gambar berukuran passport (2 keping)
- Senarai Semak BHEP 0 – 6
- Slip gaji / penyata pencen ibu & bapa / penjaga yang disahkan
- Borang Pengesahan Pendapatan bapa & ibu / penjaga - BHEP 6(a) & 6(b) / BHEP 6(c)
  ** **(Sekiranya bapa & ibu / penjaga yang tidak mempunyai penyata gaji)**
- Resit penuh bayaran Yuran Pengajian, Yuran Asrama & Bayaran Pelbagai
- Salinan sijil SPM yang disahkan
- Borang Pelajar Harian (sekiranya berkenaan)
- Penyata akaun bank
- Salinan Sijil Lahir yang telah disahkan
- Penyata Akaun Pelajar
- Salinan Sijil Kematian Bapa / Ibu (sekiranya berkaitan)
- Salinan Sijil Cerai Bapa / Ibu (sekiranya berkaitan)

- Calon dibenarkan membuat salinan (fotostat) terlebih dahulu semua borang untuk simpanan sendiri.
- Calon pelajar **WAJIB** mencetak sendiri semua borang dan dokumen yang dinyatakan di atas. Borang hendaklah dicetak menggunakan kertas bersaiz **A4** dan cetakan yang dibenarkan adalah **SATU (1)** muka surat sahaja untuk setiap helaian. (*Print One Sided*).
- Semua pengesahan salinan dokumen perlu disahkan oleh **Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional** / **Ketua Kampung** / **Penghulu** / **Pegawai Daerah** / **Guru Besar**.
- **Resit penuh Bayaran Keahlian MSP dan Borang Keahlian MSP perlu diserahkan di kaunter JSKK pada hari pendaftaran.**

ETIKA PAKAIAN SEMASA SESI SEMAKAN DOKUMEN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

Calon pelajar adalah **DIWAJIBKAN MEMENUHI ETIKA BERPAKAIAN** semasa menghadiri **SESI SEMAKAN DOKUMEN PENDAFTARAN** pada 23 November 2026 (Isnin).





*** Calon Pelajar yang berambut panjang, diwarnakan atau mempamerkan etika pakaian yang tidak sesuai boleh dihalang daripada mendaftar, serta dikenakan tindakan disiplin sewajarnya.*

SURAT TAWARAN PENGAJIAN

Calon pelajar perlu mencetak Surat Tawaran Rasmi pengajian melalui laman web berikut:

ambilan.mypolycc.edu.my

Surat tawaran **TIDAK** akan dihantar atau diberikan kepada calon. Calon pelajar perlu mencetak sendiri surat tawaran melalui laman web. Calon pelajar juga dinasihatkan untuk mencetak surat tawaran beberapa salinan yang mencukupi untuk kegunaan sepanjang tempoh pengajian (untuk urusan rasmi pelajar seperti permohonan biasiswa, pinjaman atau pengesahan lain).

POLITEKNIK TIDAK AKAN MENCETAK SURAT TAWARAN UNTUK CALON PELAJAR DAN SALINAN PENDUA TIDAK AKAN DIKELUARKAN LAGI. CALON DIKEHENDAKI MENCETAK SURAT TAWARAN UNTUK SIMPANAN SENDIRI.

PERSEDIAAN MINGGU TRANSFORMASI SISWA (MTS)

1. Pelaksanaan taklimat Minggu Transformasi Siswa Sesi II :2026/2027 akan dilaksanakan secara bersemuka.

2. Taklimat dan sebarang aktiviti sepanjang Minggu Transformasi Siswa Sesi II :2026/2027 adalah **WAJIB** dihadiri oleh semua pelajar baharu. Taklimat pengenalan Minggu Transformasi Siswa akan dilaksanakan pada **22 November 2026 (8.30 malam).**

3. Para pelajar hendaklah memuat turun aplikasi QR code scanner (pilih aplikasi yang bersesuai untuk telefon pintar anda) dalam telefon pintar masing-masing.

4. Keperluan makan dan minum sepanjang Minggu Transformasi Siswa Sesi II :2026/2027 adalah di bawah tanggungan pelajar sendiri.

5. Pelajar diwajibkan menjawab soal selidik setelah tamat Minggu Transformasi Siswa menggunakan Borang Soal Selidik Keberkesanan Program Minggu Transformasi Siswa Sesi II :2026/2027.

6. Jadual Program Minggu Transformasi Siswa Sesi II :2026/2027 adalah seperti berikut **(m/s 18).**

TENTATIF/JADUAL/AKTIVITI: SESI PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU/PROGRAM MINGGU TRANSFORMASI SISWA (MTS) POLITEKNIK MUKAH
SESI II: 2026/2027

TARIKH	MASA / AKTIVITI															
	5.00 AM - 7.00 AM	7.00 AM - 7.45 AM	8.00 AM - 9.00 AM	9.00 AM - 10.00 AM	10.00 AM - 10.30 AM	10.30 AM - 11.30 AM	11.30 AM - 12.30 PM	12.30 PM - 1.45 PM	1.45 PM - 2.45 PM	2.45 PM - 3.45 PM	3.45 PM - 4.15 PM	4.15 PM - 6.00 PM	6.00 PM - 6.30 PM	6.30 PM - 8.30 PM	8.30 PM - 9.30 PM	9.30 PM - 10.30 PM
22 November 2026 (AHAD)			PENDAFTARAN KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR BAHARU					REHAT / SOLAT ZUHUR / MAKAN TENGAHARI (PERSENDIRIAN)	PENDAFTARAN KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR BAHARU			PENGURUSAN DIRI / SOLAT (PUSAT ISLAM) / MAKAN MALAM (PERSENDIRIAN)			TAKLIMAT PENYEDIAAN DOKUMEN PENDAFTARAN	TAKLIMAT MINGGU TRANSFORMASI SISWA
			(DSG)						*(DSG)*						*(DEWAN KULIAH UTAMA)*	
23 November 2026 (ISNIN)	PENGURUSAN DIRI / SOLAT & KULIAH SUBUH (PUSAT ISLAM) / KULIAH PAGI	SARAPAN PAGI (PERSENDIRIAN)	PENYERAHAN DOKUMEN PENDAFTARAN / SESI BERGAMBAR ID PELAJAR						PENYERAHAN DOKUMEN PENDAFTARAN / SESI BERGAMBAR ID PELAJAR		REHAT / SOLAT ASAR	LDK 1 ICE BREAKING	PENGURUSAN DIRI / MAKAN MALAM (PERSENDIRIAN)	SOLAT / KULIAH MAGRIB ISYAK (PUSAT ISLAM) / SLOT KEROHANIAN (DKU/DSG)	LDK 1 ICE BREAKING (SAMB)	
			(DSG)						*(DSG)*			*(DSG)*			*(DSG)*	
24 November 2026 (SELASA)			TAKLIMAT JHEPP (KEBAJIKAN & DISIPLIN)	TAKLIMAT JHEPP (PENGAMBILAN DAN DATA)	REHAT	TAKLIMAT JHEPP (PINJAMAN & BIASISWA)	SESI PENGENALAN PUSAT SUMBER		LDK 2 (LETS GET CONNECTED)			LDK 2 (LETS GET CONNECTED) (SAMB)			PENGENALAN BERSAMA KELAB JHEPP	
			(DEWAN KULIAH UTAMA)			*(DEWAN KULIAH UTAMA)*			*(DSG)*			*(DSG)*			*(DEWAN KULIAH UTAMA)*	
25 November 2026 (RABU)			TAKLIMAT PEPERIKSAAN	SESI PENGENALAN KOLEJ KEDIAMAN		TAKLIMAT PENASIHATAN AKADEMIK	TAKLIMAT UTM (PENGENALAN CIDOS/SPMP)		LDK 3 XPLOR PMU			LDK 4 PMU SIHAT AKTIF			PERSEDIAAN MALAM GALA MTS	
			(DEWAN KULIAH UTAMA)			*(DEWAN KULIAH UTAMA)*			*SEKITAR PMU*			*(DSG)*			*(DEWAN KULIAH UTAMA)*	
26 November 2026 (KHAMIS)			SESI PENGENALAN JABATAN PENGAJIAN AM	SESI PENGENALAN JABATAN MATEMATIK, SAINS & KOMPUTER		SESI PENGENALAN JABATAN SUKAN KO-KURIKULUM & KEBUDAYAAN	TAKLIMAT PENGURUSAN PSIKOLOGI		PERSIAPAN MAJLIS PENUTUPAN	MAJLIS PENUTUPAN MTS					MALAM GALA MTS	
			(DEWAN KULIAH UTAMA)			*(DEWAN KULIAH UTAMA)*			*(DEWAN KULIAH UTAMA)*						*(DSG)*	
27 November 2026 (JUMAAT)			SESI BERSAMA JABATAN AKADEMIK / PERJUMPAAN BERSAMA PENASIHAT AKADEMIK / PENDAFTARAN KURSUS						SESI BERSAMA JABATAN AKADEMIK / PERJUMPAAN BERSAMA PENASIHAT AKADEMIK / PENDAFTARAN KURSUS						SESI POST-MORTEM MTS (FASILITATOR I-CREW SAHAJA)	
			JABATAN AKADEMIK						*JABATAN AKADEMIK*						*(DEWAN KULIAH UTAMA)*	

NOTA
*PINDAAN JADUAL TERTAKLUK DARI SEMASA KE SEMASA
NOTA
1. Semua pelajar muslim wajib solat di Pusat Islam
2. Pelajar yang mengalami masalah kesihatan, sila maklumkan kepada Pegawai atau sukarelawan dengan segera.
3. Solat Jumaat di Pusat Islam PMU

AKTIVITI	PAKAIAN PELAJAR LELAKI	PAKAIAN PELAJAR PEREMPUAN
Pendaftaran Kolej Kediaman	Kemeja, Seluar Slack, Kasut Hitam	Baju Kurung, Kasut Hitam
Penyerahan Dokumen Pendaftaran / Sesi Bergambar ID Pelajar	Kemeja Putih, Seluar Slack Hitam, Kasut Hitam	Baju Kurung Putih, Kain Sarung Hitam, Kasut Hitam
Sesi Pengenalan / Taklimat	Kemeja, Seluar Slack, Berkasut	Baju Kurung
Aktiviti Pelajar / LDK	Pakaian Sukan	Pakaian Sukan (Perempuan Muslim - T-Shirt Lengan Panjang)
Solat / Kuliah Moral	Pakaian Solat/ T-Shirt Berkolar, Seluar Slack	Pakaian Solat/ T-Shirt Berkolar, Seluar Slack/ Baju Kurung
Malam Gala MTS	Pakaian Tradisional, Pakaian Kebangsaan, Kemeja, Seluar Slack	Pakaian Tradisional, Pakaian Kebangsaan, Kemeja, Seluar Slack
Majlis Penutupan MTS	T-Shirt PolyCC, Seluar Slack, Berkasut	T-Shirt PolyCC, Seluar Slack, Berkasut

YURAN PENGAJIAN, ASRAMA, BAYARAN SUMBANGAN AKTIVITI KEBAJIKAN PELAJAR (SAKP) BAYARAN PELBAGAI DAN BAYARAN KEAHLIAN MAJLIS SUKAN POLITEKNIK (MSP)

Semua calon pelajar yang telah disahkan tawaran (telah mengembalikan BJT bersama dengan dokumen sokongan yang lengkap) adalah dikehendaki untuk menjelaskan **Yuran Pengajian, Yuran Asrama, Bayaran SAKP, Bayaran Pelbagai & Bayaran Keahlian MSP** sebelum hadir untuk Pendaftaran Pelajar Baharu. Bayaran boleh dibuat mulai **9 November 2026.**

JENIS BAYARAN	KAEDAH BAYARAN
Yuran Pengajian – RM 200.00	**Bayaran (Yuran Pengajian, Kolej Kediaman dan Yuran SAKP) hanya melalui Sistem iPayment sahaja. Pihak Politeknik Mukah tidak menerima bayaran secara tunai.** (Semua calon pelajar wajib mendaftar sebagai pengguna iPayment di https://ipayment.anm.gov.my/)
Bayaran Asrama – RM 60.00	
Bayaran SAKP – RM50.00 (Sumbangan Aktiviti Kebajikan Pelajar)	
Bayaran Keahlian Majlis Sukan Politeknik (MSP) -RM 25.00	***Online transfer*** (Akaun Tetuan Majlis Sukan Politeknik)
Keperluan lain program. (Untuk Semester 1 SAHAJA)	***Online transfer*** (Sila rujuk m/s 35 - kumpulan *whatsapp* institusi)

YURAN PENGAJIAN, BAYARAN ASRAMA & YURAN SAKP

Berikut merupakan kadar yuran yang perlu dijelaskan oleh calon pelajar **sebelum hadir secara fizikal** di PMU :

JENIS YURAN	JUMLAH (RM)
Pengajian	200.00
Asrama*	60.00
SAKP (Sumbangan Aktiviti Kebajikan Pelajar)	50.00
JUMLAH	**310.00**

Calon pelajar **TIDAK perlu membayar Yuran Asrama sekiranya calon pelajar **TIDAK** ditawarkan asrama atau **TIDAK** memerlukan kemudahan asrama.

TARIKH MULA & TARIKH AKHIR PEMBAYARAN

Tarikh Mula Bayar	**9 November 2026**
Tarikh Akhir Bayar	**23 November 2026**
Kaedah Pembayaran	**iPayment** **(Rujuk m/s: 21)**

Nota:

a. Patuhi arahan ketika membuat pembayaran Yuran Pengajian, Asrama, Bayaran Pelbagai dan Bayaran MSP.
b. Politeknik tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran yuran.
c. Setiap resit bayaran yuran hendaklah dibuat salinan dan disimpan sebagai bukti pembayaran.

KAEDAH PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN DAN ASRAMA (iPAYMENT)


Nota Penting:

- Mohon pelajar mendaftar akaun iPayment sebelum atau **22 November 2026**
- Pelajar akan mula mendapat bil di akaun iPayment bermula pada **9 November 2026.**
- Semak akaun iPayment dan membuat pembayaran Yuran Pengajian, Bayaran SAKP dan Bayaran Asrama bermula **9 November 2026.**

TATACARA PENDAFTARAN iPAYMENT


LANGKAH 1

Layar masuk ke laman web https://ipayment.anm.gov.my/




LANGKAH 2


Klik daftar




1. Isi semua bahagian seperti tertera, sila pastikan emel yang anda masukkan adalah emel yang masih aktif. Sila pastikan emel tersebut adalah milik Pelajar dan Nama yang di isi adalah seperti di Kad Pengenalan.




2. Kemudian klik daftar



3. Sila Semak emel anda untuk pengaktifan akaun. Klik pada pautan yang diberikan




4. Tahniah, anda telah berjaya mendaftar sebagai pengguna iPayment



TATACARA PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN, ASRAMA DAN SAKP MELALUI iPAYMENT


LANGKAH 1:

Layari web https://ipayment.anm.gov.my/. Klik butang Log Masuk.




LANGKAH 2:

Masukkan ID pengguna (emel) dan kata laluan. Klik butang Log Masuk. Pastikan pelajar telah mendaftar iPayment.




Seterusnya pelajar boleh lihat pada menu berkaitan seperti paparan berikut:




LANGKAH 3:


Klik pada ikon menu bil. Bil yang tersedia akan dipaparkan seperti berikut:



Untuk melihat bil terperinci, boleh klik pada ikon




Bil terperinci akan dipaparkan. Seterusnya klik Kembali untuk ke menu sebelumnya



LANGKAH 4:

Untuk proses pembayaran bil, boleh ikuti langkah berikut. Pilih bil, klik pada butang Bayar.




LANGKAH 5:

Seterusnya paparan menu bayaran seperti berikut. Terdapat empat kaedah pembayaran:


i. **Perbankan Internet**
ii. **Kod QR DuitNow**
iii. **Kad**
iv. **E-Dompet**

Pelajar boleh memilih mana-mana kaedah yang diingini.




i. Kaedah Perbankan Internet


Sekiranya memilih **Perbankan Internet**, paparan pilihan bank seperti berikut akan dipaparkan. Pilih bank berkaitan.




Sebagai contoh, pilih Maybank Berhad, seterusnya klik butang Bayar.



Seterusnya klik butang Ya.



Anda akan dibawa ke laman web bank berkenaan. Seterusnya boleh ikuti langkah-langkah membuat pembayaran seperti biasa. Perlu diingat, pastikan **resit bayaran transaksi disimpan** sebagai bukti bayaran.



ii. Kaedah Kod QR DuitNow

Jika memilih kaedah Kod QR DuitNow, klik butang Bayar dan seterusnya klik butang Ya.



Seterusnya akan dipaparkan Kod QR seperti di bawah. Sila imbas kod QR tersebut menggunakan aplikasi perbankan/e-dompet untuk proses pembayaran. Perlu diingat, jangan kongsikan kod QR tersebut kepada orang lain. Jangan lupa untuk **menyimpan resit bayaran** sebagai bukti.




iii. Kaedah Kad

Jika memilih kaedah pembayaran Kad, klik butang Bayar dan seterusnya klik butang Ya.





Paparan berikut akan dipaparkan. Isikan maklumat berkaitan dan teruskan proses pembayaran. Jangan lupa untuk **menyimpan resit bayaran** sebagai bukti.



iv. Kaedah E-Dompet

Jika memilih kaedah pembayaran E-Dompet, klik butang Bayar dan seterusnya klik butang Ya.






Berikut adalah paparan untuk memilih aplikasi E-Dompet. Pilih aplikasi E-Dompet berkaitan dan seterusnya klik butang Pay Now dan ikuti langkah seterusnya untuk proses pembayaran. Pastikan salinan **resit transaksi disimpan** sebagai bukti pembayaran.

PEMBAYARAN YANG TELAH SELESAI

Bil yang telah berjaya di bayar, akan hilang daripada senarai bil.



Teruskan untuk pembayaran seterusnya, iaitu Yuran Kolej Kediaman. Ikuti langkah yang sama seperti pembayaran bil untuk Yuran Pengajian. Perlu diingat, setiap transaksi bayaran perlu **disimpan salinan resit bayaran** sebagai bukti. Resit boleh didapati melalui dua kaedah, klik pada butang jana resit atau melalui bahagian sejarah pembayaran. Berikut merupakan contoh salinan resit bayaran:

Kew. 38E04-2023

KERAJAAN MALAYSIA

RESIT RASMI
SALINAN

Diterima Daripada : MUHAMMAD[redacted]
No. Identiti : [redacted]
Alamat : [redacted]
No. Rujukan : [redacted]
Perihal Bayaran : BAYARAN YURAN PENGAJIAN

No. Resit : RN2407623201120023l0
Tarikh & Masa Bayaran : 26/07/2024 08:37 AM
No. Transaksi : T2407AFP020000005165
Kaedah Pembayaran : PORTAL / KOD QR DUITNOW

No.	Keterangan	Kod Akaun	Amaun (RM)
1.	BAYARAN YURAN PENGAJIAN POLITEKNIK - IPAYMENT (BYP-IPYMNT72202)	H0272202	200.00
		Jumlah Bayaran	200.00

Ringgit Malaysia : DUA RATUS SAHAJA

Jabatan : JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK)
Kementerian : KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)

YURAN MAJLIS SUKAN POLITEKNIK (MSP) & KEPERLUAN PELAJAR POLITEKNIK MUKAH

BAYARAN KEAHLIAN MAJLIS SUKAN POLITEKNIK (MSP)

Calon pelajar juga perlu menjelaskan Bayaran Keahlian MSP **(RM 25.00)** sebelum hadir secara fizikal ke PMU. Pembayaran Bayaran Keahlian MSP adalah secara *online transfer*. Resit Bayaran Keahlian MSP dan Borang Keahlian MSP perlu diserahkan di kaunter Jabatan Sukan Ko-Kurikulum dan Kebudayaan (JSKK) pada hari pendaftaran. Bayaran Keahlian MSP boleh dibuat ke akaun berikut:

Nama Akaun : TETUAN MAJLIS SUKAN POLITEKNIK
No. Akaun : 0403 3010 0396 57
Nama Bank : BANK ISLAM MALAYSIA
Rujukan 1 : No. Kad Pengenalan (Tanpa simbol "-")
Rujukan 2 : No. HP (Tanpa simbol "-")

KEPERLUAN PELAJAR POLITEKNIK MUKAH

- Bagi menyelaras keperluan pembelajaran dan keperluan program, calon pelajar diminta untuk merujuk **GROUP INFO PELAJAR BAHARU BAGI SESI II:2026/2027** untuk mengetahui senarai barang, keperluan dan perkhidmatan ditawarkan sepanjang pengajian di Politeknik Mukah.

- **GROUP INFO PELAJAR BAHARU BAGI SESI II:2026/2027** adalah seperti berikut :



PENDAFTARAN ONLINE PELAJAR

Calon Pelajar adalah diwajibkan untuk membuat Pendaftaran Online Pelajar Baharu dalam tempoh 3 hari bekerja **SELEPAS** membuat pembayaran Yuran Pengajian dan Yuran Asrama.

TATACARA PENDAFTARAN ONLINE PELAJAR BAHARU


1) Layari laman web berikut selepas tempoh 3 hari bekerja bayaran Yuran Pengajian :

   http://spmp.pmu.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp

2) Masukkan NOMBOR KAD PENGENALAN dan klik TERUSKAN




3) Klik TERUSKAN DENGAN PENDAFTARAN



*Sekiranya butang TERUSKAN UNTUK PENDAFTARAN tidak dipaparkan, ini bermaksud bayaran Yuran Pengajian anda masih belum dibuat/disahkan.

4) Paparan SLIP PENDAFTARAN ONLINE akan dipaparkan. Pastikan anda mencetak slip ini sebanyak 3 salinan.



PEMERIKSAAN KESIHATAN

Calon pelajar adalah **DIWAJIBKAN** untuk membuat pemeriksaan kesihatan sebelum pendaftaran di mana-mana hospital kerajaan, poliklinik atau klinik swasta. Calon pelajar perlu mencetak **Borang Laporan Pemeriksaan Kesihatan (BHEP 2)** dan mengemukakan borang ini kepada doktor yang membuat pemeriksaan. Doktor perlu mengesahkan status kesihatan calon pelajar pada ruangan berkenaan (pastikan borang telah di **TANDATANGAN dan di COP oleh doktor**). Borang hendaklah dicetak menggunakan kertas bersaiz A4 dan cetakan yang dibenarkan adalah SATU (1) muka surat sahaja untuk setiap helaian (Print One Sided).

Calon pelajar adalah diingatkan bahawa tawaran pengajian pelajar boleh DIBATALKAN sekiranya calon disahkan tidak sihat dan tidak diperakukan untuk meneruskan pengajian disebabkan tahap kesihatan yang boleh membahayakan diri calon semasa pengajian. Proses pendaftaran pelajar **TIDAK** akan diteruskan sekiranya pelajar **TIDAK** membuat pemeriksaan kesihatan sebelum hadir pada hari pendaftaran. Pelajar turut disarankan untuk membuat pemeriksaan di mana-mana hospital kerajaan, poliklinik atau klinik swasta yang boleh membuat pemeriksaan secara menyeluruh kepada pelajar berdasarkan aspek pemeriksaan yang terdapat di dalam Borang BHEP 2.

KEPERLUAN KHAS DI BENGKEL

Calon pelajar baharu yang ditawarkan program kejuruteraan dikehendaki untuk menyediakan kasut keselamatan **(Safety Boot)** yang memenuhi piawaian keselamatan industri sebelum bermulanya sesi pembelajaran. Antara spesifikasi yang perlu dipatuhi untuk pembelian kasut keselamatan adalah:

- **Mempunyai pelapik keras jari kaki yang mampu menahan hentakan minimum 200 joules.**
- **Diperkuat dengan bahan komposit keras.**
- **Kalis tusukan dan kalis minyak.**

Pelajar yang mengikuti program kejuruteraan juga dikehendaki membeli baju bengkel untuk kegunaan kerja-kerja amali di bengkel. Bayaran baju bengkel telah dimasukkan ke dalam Bayaran Pelbagai dan baju bengkel tersebut boleh dituntut di kaunter Koperasi Politeknik Mukah pada hari pendaftaran pelajar baharu.

PERATURAN AM KOLEJ KEDIAMAN

KEPERLUAN PENGINAPAN DI KOLEJ KEDIAMAN

Calon dikehendaki untuk menyediakan keperluan berikut untuk penginapan di Kolej Kediaman Politeknik Mukah (KKPMU):

a) Mengisi dan mempamerkan butiran penghuni dengan lengkap di pintu bilik KKPMU.
b) Barangan keperluan peribadi (pencuci, alatan mandi, pakaian dan lain-lain).
c) Cadar bersaiz *single,* bantal dan sarung bantal.
d) Langsir berwarna merah hati jenis *French Pleat* (menggunakan *hook*). Langsir juga boleh dibeli di *Kedey Poly* PMU.
e) Bagi keperluan pembersihan bilik seperti penyapu, baldi, gayung atau penyodok sampah, pelajar boleh menyediakan awal dari rumah ataupun membeli dari Koperasi Politeknik Mukah.
f) Barangan elektrik yang dibenarkan untuk dibawa ke KKPMU hanyalah kipas angin meja untuk kegunaan sendiri dan juga *Electric Jug Kettle*.

BARANGAN LARANGAN DI KOLEJ KEDIAMAN

Barangan berikut adalah **DILARANG** sama sekali untuk dibawa ke KKPMU:

a) Alat berbahaya dan benda tajam seperti pisau, besi, panah, senjata, bahan letupan, mercun dan seumpamanya.
b) Alatan elektrik/elektronik yang mempunyai kuasa 1000W dan ke atas seperti periuk nasi, *immersion heater*, *multi cooker* dan sebagainya.
c) Soket penyambung (*extension*) yang melebihi 2 soket dan melebihi 2m panjang.
d) Televisyen, peralatan audio video, mesin gunting rambut, pelurus rambut dan pengering rambut (*hair dryer*).
e) Semua alat muzik.
f) Barangan elektronik yang boleh memintas siaran radio dan seumpamanya.
g) Alatan memasak.
h) Minuman keras seperti arak dan makanan tidak halal di sisi agama Islam.
i) Rokok, pil khayal, dadah dan bahan seumpamanya.
j) Barangan/bahan-bahan judi.
k) Pembesar suara (*speaker*) berkuasa tinggi, *subwoofer* dan *hailer.*
l) Alatan, media, video, atau bahan lucah.

WAKTU KELUAR MASUK KOLEJ KEDIAMAN

Semua penghuni KKPMU perlu mematuhi masa keluar masuk KKPMU. Kegagalan untuk mematuhi waktu yang ditetapkan boleh menyebabkan tindakan tatatertib/disiplin dikenakan terhadap pelajar.

a) Keluar harian

- Isnin sehingga Ahad
- 7:00 pagi sehingga 6:30 petang
- Pelajar KKPMU yang keluar harian perlu merekodkan butiran keluar/masuk di Pondok Pengawal semasa keluar dan masuk kampus.

b) Keluar semasa cuti semester

- Semua penghuni dikehendaki mengosongkan bilik sehingga hari Ahad minggu terakhir sebelum cuti semester bermula selewat-lewatnya pada pukul 3:00 petang atau pada waktu lain tertentu yang ditetapkan oleh PMU.
- Penghuni yang ingin menetap di KKPMU pada cuti semester perlu mendapat kelulusan daripada Ketua Warden dan Ketua Unit Pengurusan Kolej Kediaman Politeknik Mukah.
- Pelajar yang menetap di KKPMU semasa cuti semester adalah tertakluk kepada waktu keluar masuk harian.

c) Bermalam di luar KKPMU / balik kampung

- Bermalam di luar / balik kampung semasa semester pengajian berlangsung hanya dibenarkan atas sebab urusan kecemasan sahaja dan pelajar perlu memaklumkan dan mendapatkan kebenaran daripada Ketua Warden.

KENDERAAN DAN PENGANGKUTAN PELAJAR DI DALAM KAMPUS

Pelajar yang ingin membawa kenderaan ke kampus adalah **DIWAJIBKAN** untuk mendaftar kenderaan dan mendapatkan Pas Kenderaan Pelajar daripada JHEPP. Permohonan boleh dibuat melalui portal SPMP. Permohonan yang lengkap hendaklah dicetak dan diserahkan bersama dokumen berkaitan ke JHEPP untuk proses cetakan Pas Kenderaan pelajar. Kenderaan tanpa Pas Kenderaan Pelajar **TIDAK** akan dibenarkan memasuki kawasan kampus. Mana-mana kenderaan pelajar yang diparkir di dalam kawasan kampus tanpa mempamerkan Pas Kenderaan Pelajar boleh diambil tindakan termasuk saman.

Kenderaan pelajar hanya boleh diparkir di kawasan yang dibenarkan sahaja. Mana-mana kenderaan yang diparkir di kawasan yang **TIDAK** dibenarkan akan diambil tindakan termasuk saman. Pelajar juga dilarang untuk menggunakan kenderaan di dalam kampus Politeknik Mukah.

Pihak Politeknik Mukah **TIDAK** akan bertanggungjawab atas segala kerosakan/ kehilangan kenderaan atau apa jua bentuk kerugian lain pada kenderaan pelajar yang dibawa ke dalam kampus.

MAKLUMAT AM PERATURAN DAN DISIPLIN

Sebagai institusi pengajian tinggi, Politeknik Mukah bukan sahaja ingin melahirkan graduan yang mempunyai kecemerlangan akademik semata-mata tetapi juga berhasrat untuk membentuk graduan yang mempunyai sahsiah dan keunggulan peribadi yang baik. Sehubungan dengan itu, semua pelajar Politeknik Mukah dikehendaki untuk mematuhi semua peraturan yang telah ditetapkan dalam membentuk disiplin pelajar.

Kesemua pelajar Politeknik Mukah adalah tertakluk di bawah Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 (Akta 174) dan peraturan-peraturan lain yang dikeluarkan oleh pihak Politeknik Mukah dari semasa ke semasa. Pelajar yang melanggar peraturan yang ditetapkan akan diambil tindakan selaras dengan Jadual V, Kaedah 48, Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 (Akta 174).

Antara tindakan yang boleh diambil ke atas pelajar yang didapati bersalah adalah:

a) Digantung pengajian.
b) Dibuang pengajian.
c) Dendaan (maksimum RM500.00).
d) Dibuang asrama (Jika menginap di asrama).
e) Tindakan tatatertib lain yang difikirkan sesuai oleh Pengarah Politeknik Mukah

ETIKA PAKAIAN DAN RUPA DIRI PELAJAR

Semua pelajar Politeknik Mukah tertakluk kepada Peraturan Rupa Diri Pelajar yang berkuatkuasa. Secara umumnya, pelajar **DIWAJIBKAN** untuk sentiasa berpakaian kemas, bersih, menutup aurat (bagi pelajar Islam) dan bersopan. Rupa diri dan pakaian yang menjolok mata adalah ditegah sama sekali.

BAJU KELAS	
PELAJAR LELAKI	**PELAJAR PEREMPUAN**
▪ Baju kemeja berlengan panjang atau pendek. ▪ Baju T jenis berkolar. Tidak boleh mempunyai tulisan, gambar atau corak yang membawa pengertian liar atau negatif dan sentiasa dimasukkan ke dalam (*tuck-in*). ▪ Pemakaian BATIK adalah digalakkan pada setiap hari Khamis. ▪ Baju bengkel bagi kelas amali. ▪ Pemakaian baju Melayu (baju Kebangsaan) dibenarkan tetapi hendaklah lengkap sepasang beserta samping dan songkok hitam. ▪ Baju dan seluar mestilah sentiasa dikenakan butang/zip dengan sempurna.	▪ Pakaian yang menutup aurat, bersih, kemas dan sopan bagi semua pelajar Islam. ▪ Pakaian hendaklah berlengan panjang hingga ke pergelangan tangan. ▪ Labuh baju sekurang-kurangnya menutupi paras punggung. ▪ Baju T jenis berkolar. Tidak boleh mempunyai tulisan, gambar atau corak yang membawa pengertian liar atau negatif. ▪ Pakaian yang menjolok mata adalah dilarang (seperti pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan seperti dada, bahu dan belakang). ▪ Pemakaian BATIK adalah digalakkan pada setiap hari KHAMIS. ▪ Baju bengkel bagi kelas amali.

KASUT	
PELAJAR LELAKI	**PELAJAR PEREMPUAN**
▪ Hendaklah sesuai untuk kerja di pejabat dan sempurna berstokin. Kasut sukan dibenarkan. ▪ Selipar, terompah, capal dan seumpamanya dilarang. ▪ Kasut yang berladam logam yang berbunyi bising dilarang. ▪ Kasut keselamatan (bagi bidang kejuruteraan).	▪ Hendaklah sesuai untuk kerja di pejabat dan sempurna berstokin. Kasut sukan adalah dibenarkan. ▪ Selipar, terompah, capal dan seumpamanya tidak dibenarkan untuk dipakai. ▪ Kasut yang berladam logam yang berbunyi bising adalah dilarang. ▪ Kasut keselamatan (bagi bidang kejuruteraan).
SELUAR / SARUNG / KAIN	
PELAJAR LELAKI	**PELAJAR PEREMPUAN**
▪ Seluar *'slack'* panjang. ▪ Sebarang jenis seluar 'jeans' atau seumpamanya dilarang. ▪ Tidak ketat.	▪ Seluar 'slack' panjang. ▪ Sebarang jenis seluar 'jeans' atau seumpamanya dilarang. ▪ Tidak ketat. ▪ Sarung/Maxi ▪ Labuh, melepasi paras lutut. ▪ Longgar. ▪ Tidak jarang dan berbelah.
RAMBUT	
PELAJAR LELAKI	**PELAJAR PEREMPUAN**
▪ Rambut sentiasa pendek dan kemas. Aras belakang tidak melebihi paras kolar baju, aras tepi tidak menyentuh telinga dan aras depan tidak melebihi paras kening. ▪ Rambut berfesyen seperti 'afro', 'punk', berekor dan yang diwarnakan adalah dilarang sama sekali. ▪ Tidak botak kecuali yang disyariatkan/berkaitan agama.	▪ Pelajar Islam dikehendaki memakai tudung seperti yang disyariatkan Islam. ▪ Hendaklah kemas dan beridentitikan seorang pelajar perempuan. ▪ Rambut berfesyen seperti 'afro', 'punk', berekor dan diwarnakan dilarang sama sekali.
PERHIASAN	
PELAJAR LELAKI	**PELAJAR PEREMPUAN**
▪ Sebarang bentuk perhiasan dilarang. ▪ Bertatu adalah dilarang sama sekali.	▪ Tidak digalakkan memakai barang kemas. ▪ Mencukur bulu kening dan solekan yang berlebihan adalah dilarang. ▪ Bertatu adalah dilarang sama sekali.


INFOGRAFIK KOD ETIKA PAKAIAN PELAJAR POLITEKNIK MUKAH



URUSAN PERMOHONAN

PAS PELAJAR

KHAS KEPADA PELAJAR DARI SEMENANJUNG MALAYSIA, SABAH DAN W.P. LABUAN



URUSAN PAS PELAJAR BAHARU ADALAH WAJIB BAGI PELAJAR DARI SEMENANJUNG MALAYSIA, SABAH DAN W.P. LABUAN

URUSAN PERMOHONAN
PAS PELAJAR



1 Sebelum Masuk ke Sarawak

Dokumen Perjalanan Terhad (DPT)(BUKU BIRU)/ PASPORT (BUKU MERAH)

- memohon dan memiliki Dokumen Perjalanan Terhad (DPT) (Buku Biru) / Pasport (Buku Merah)
- boleh rujuk dalam laman sesawang Jabatan Imigresen Malaysia (Perkhidmatan Utama - Dokumen Perjalanan Terhad)
- (cadangan) - DPT atau Buku Biru boleh dibuat di Pejabat Imigresen Negeri masing-masing dengan bayaran RM 5.00
- wajib dimiliki sebelum memasuki negeri Sarawak untuk memudahkan urusan pas pelajar



2 Perjalanan ke Sarawak

Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (KCH) / Lapangan Terbang Sibu (SBW) / Lapangan Terbang Bintulu (BTU) / Lapangan Terbang Miri (MYY)

- gunakan DPT / Buku Biru sebagai pengenalan diri untuk memasuki negeri Sarawak
- bagi yang menggunakan Kad Pengenalan, Pas Lawatan Sosial akan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen semasa daftar masuk ke Negeri Sarawak di kaunter Balai Ketibaan lapangan terbang
- harus diingatkan untuk simpan Pas Lawatan Sosial tersebut untuk membuat DPT / Buku Biru di Jabatan Imigresen Sarawak.


IMM 114-Pindaan 1/86

Nama [redacted]

No. KP

Tempat

Alamat [redacted]

(Tandatangan / Cap Jari)

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

WELCOME TO
SARAWAK
08/05/2012
Permitted to enter and remain in
SARAWAK
for NINETY DAYS (90 days)
from date shown above

PAS LAWATAN (SOSIAL)
1. Kad ini dikeluarkan percuma.
2. Untuk Perjalanan ke Sarawak Sahaja.
3. Tidak sah untuk pekerjaan.
4. Sila simpan dokumen ini untuk diserahkan kepada Pegawai Imigresen semasa bertolak dari SARAWAK.
5. Dokumen ini juga dianggap sebagai Pas Lawatan yang melayakkan pembawanya masuk dan tinggal di Sarawak bagi tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh masuk.

Issued By :

URUSAN PERMOHONAN
PAS PELAJAR



3 Urusan Pas Pelajar

1. Dalam tempoh satu ke tiga minggu di Politeknik Mukah

- bawa bersama DPT (Buku Biru) / Pasport Merah yang asal
- sediakan 2 keping gambar berukuran pasport latarbelakang putih
- borang permohonan pas pelajar yang lengkap diisi (boleh didapati di pejabat HEP PMU)
- salinan kad pengenalan
- salinan surat tawaran
- salinan kesemua muka surat DPT (Buku Biru) / Pasport Merah sehingga muka surat terkahir yang bercop
- pastikan semua salinan telah disahkan



2. Pemakluman kepada pelajar Semenanjung Malaysia, Sabah dan W.P. Labuan

- pelajar akan dimaklumkan untuk kutipan serta pengumpulan dokumen-dokumen berkaitan dengan urusan pas pelajar
- segala urusan akan dibuat di kaunter Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) PMU tertakluk dengan pindaan dari semasa ke semasa
- memo akan dikeluarkan melalui jabatan masing-masing berkaitan dengan urusan pas pelajar
- mohon pelajar untuk sediakan dokumen yang secukupnya untuk mengelakkan keciciran semasa proses urusan pas pelajar
- boleh berhubung dengan pejabat HEP PMU untuk maklumat lebih lanjut




ASNB
Celik MADANI
Kit selamat datang.

Mulakan perjalanan kewangan anda!



Fahami Celik MADANI
Muka surat 2 - 3

Daftar program Celik MADANI
Muka surat 4

Buka akaun ASNB secara dalam talian melalui aplikasi myASNB
Muka surat 5 - 9

Maklumat ringkas dan penting
Muka surat 10

Celik MADANI: Kit selamat datang.

RM50

pertama anda, langkah awal menuju kejayaan kewangan.

Dengan pelaburan permulaan ini sebanyak RM50 ini, anda sedang membentuk tabiat, membina keyakinan, dan mencipta masa depan milik anda sendiri.

Anda bukan sekadar menyimpan wang, anda melabur untuk mencapai impian, matlamat, dan kebebasan anda. Dalam dunia yang serba pantas, konsistensi adalah kunci kebebasan kewangan.

Tak tunggu masa, tak tunggu orang. Kita mula, kita konsisten.



KITA GENERASI LABUR

2

Celik MADANI: Kit selamat datang.

Celik MADANI: Celik Kewangan, Belia MADANI

Dilancarkan pada 22 Ogos 2024 oleh YAB Perdana Menteri

Menawarkan RM50 pelaburan permulaan kepada 1 juta[1] pelajar Institusi Pendidikan Tinggi dan Kolej Vokasional

RM50 dikredit[2] ke akaun unit amanah


AMANAH SAHAM BUMIPUTERA ⟷ AMANAH SAHAM MALAYSIA

Capai RM10,000 dalam tempoh 10 tahun

Senario	Jumlah pelaburan[3]
RM50 pelaburan permulaan	RM50
Semasa belajar Simpan RM20 sebulan selama 4 tahun	RM1,138.24
Setelah bekerja Simpan RM100 sebulan selama 6 tahun	RM10,2959

Nota:
1. Terhad kepada pelajar baharu & 1 juta pendaftaran terawal untuk 5 tahun
2. RM50 dikunci selama 5 tahun
3. Pengiraan dividen berdasarkan anggaran pulangan dividen 5.5% setahun
4. Tiada pengeluaran dilakukan sepanjang tempoh 10 tahun

Nota : Sila rujuk laman web ASNB di www.asnb.com.my untuk maklumat lanjut.




3

Celik MADANI: Kit selamat datang.

Proses pendaftaran Program Celik MADANI

Untuk menyertai Program Celik MADANI, pelajar perlu menjadi pelabur ASNB dan melalui proses pendaftaran seperti berikut:



4


Celik MADANI: Kit selamat datang.
Langkah-langkah pembukaan akaun ASNB menerusi aplikasi myASNB
myASNB
5

Celik MADANI: Kit selamat datang.

Langkah 1

Muat turun aplikasi myASNB melalui Apple App Store, Google Playstore dan Huawei App Gallery dengan cara klik pautan:

https://asnb.my/myASNBapp


Atau imbas kod QR untuk muat turun:

DAPATKAN DI Google Play
Muat turun di App Store
TEROKAI DI AppGallery


Langkah 2

Ikuti langkah-langkah pendaftaran akaun ASNB seperti di bawah:


1. Cara mendaftar akaun ASNB menerusi Aplikasi myASNB bagi:
   - Pelabur baharu ASNB; dan
   - Pelabur sedia ada ASNB yang tidak mempunyai aplikasi myASNB




1 Klik butang 'Buka Akaun'




2 Masukkan nombor telefon anda



3 Masukkan alamat emel anda



4 Cipta nama pengguna




5 Tetapkan kata laluan



6 Lengkapkan soalan keselamatan

6


Celik MADANI: Kit selamat datang.




7 Tetapkan frasa keselamatan




8 Tetapkan gambar keselamatan




9 Masukkan kod rujukan "Celik MADANI"



10 Jawab soalan tentang status cukai




11 Ambil gambar hadapan dan belakang kad pengenalan diri anda




12 Masukkan nama penuh dan nombor kad pengenalan diri anda



13 Pastikan gambar anda mengikut garis panduan



14 Tangkap gambar swafoto dan ikut arahan



15 Tahniah! Profil anda telah disahkan dan sedia untuk memulakan perjalanan pelaburan

7


Celik MADANI: Kit selamat datang.




16 Tunggu sehingga 24 jam untuk kami sahkan profil anda




17 Tahniah! Profil anda telah disahkan dan sedia untuk memulakan perjalanan pelaburan



18 Klik ⚙ untuk dapatkan 12 digit nombor akaun ASNB (UHID)



19 UHID yang tertera adalah nombor akaun ASNB anda




Celik MADANI: Kit selamat datang.


2. Pelabur sedia ada ASNB dan mempunyai aplikasi myASNB :
   - Kemas kini maklumat peribadi dan kenal pasti nombor akaun ASNB




1 Log masuk aplikasi myASNB dengan kata laluan



2 Klik ⚙ untuk kemas kini maklumat peribadi




3 Klik pada lihat maklumat peribadi untuk kemas kini maklumat diri



4 Kemas kini maklumat diri anda



5 Klik ⚙ untuk dapatkan 12 digit nombor akaun ASNB (UHID) anda



6 UHID yang tertera adalah nombor akaun ASNB anda



Celik MADANI: Kit selamat datang.

Maklumat ringkas & penting

Apakah Celik MADANI?

Program ini menawarkan RM50 unit amanah percuma yang akan dikunci selama 5 tahun. Insentif ini bertujuan untuk menggalakkan literasi kewangan awal dan tabiat melabur dari usia muda.



Siapa yang layak menyertai?

Pelajar Malaysia yang sedang mengikuti Semester 1, Tahun 1

Anda hanya layak menerima insentif ini sekali sahaja, walaupun bertukar institusi.

Bumiputera:
Layak untuk ASB

Bukan Bumiputera:
Layak untuk ASM

Bagaimana cara mendapatkan insentif RM50?

- Daftar atau log masuk ke aplikasi myASNB.
- Serahkan nama penuh dan nombor akaun ASNB (UHID) melalui portal pelajar atau kaedah yang disediakan oleh institusi anda.

Nota: Kredit insentif akan diproses dalam masa sehingga 30 hari bekerja selepas ASNB menerima permohonan dari institusi

Institusi yang layak

Diploma:
Kolej Vokasional, Politeknik

Ijazah:
Universiti Awam, Universiti Berkaitan Kerajaan (GLU)



Bagaimana untuk membuka akaun ASNB sekiranya saya belum berumur 18 tahun?



- Pelajar yang masih belum mencapai 18 tahun, boleh membuka akaun di mana-mana cawangan ASNB atau ejen dengan ditemani oleh ibu bapa atau penjaga.
- Dokumen yang perlu dibawa: MyKad dan MyKad ibu bapa atau penjaga.

Manfaatkan aplikasi myASNB

- Tambah dana dan pantau pelaburan anda.
- Tetapkan Auto Labur untuk simpanan konsisten, minimum RM10.
- Terokai pelbagai dana unit amanah dan perkhidmatan lain.



Mahu mendalami ilmu pelaburan?

Terokai platform pembelajaran kami, ASNB Academy, untuk mendapatkan maklumat terkini tentang pelaburan, kalkulator kewangan dan perkhidmatan ASNB. Layari **asnbacademy.com.my/bm**



Perlu bantuan dengan aplikasi myASNB?

Sila hubungi Khidmat Pelanggan ASNB untuk bantuan lanjut.

03-7730 8899 019-223 5747
asnbcare@asnb.com.my



10



Jabatan Pemasaran & Penjenamaan, ASNB © 2025

